

## WANITA DAN PERSOALAN POLIGAMI DALAM ISLAM

Nur Hazwani Anuar  
Norzawani Mohamed Zawari  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Anuar, N. H., Mohamed Zawari, N., & Jasmi, K. A.(2012). Wanita dan Persoalan Poligami dalam Islam in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 53-71. ISBN 978-967-0194-19-6.

### Abstrak

Kertas kerja ini membahaskan mengenai kedudukan wanita dan hak dalam berpoligami menurut perspektif Islam. Antara isu yang dibahaskan ialah panduan sekiranya ingin mengamalkan poligami dan had yang dibenarkan. Selain itu, perbezaan hak di antara kedudukan seorang isteri dan perempuan simpanan juga turut dibincangkan. Pembahas juga menggunakan beberapa contoh dan maklumat tambahan dalam perbincangan ini untuk mengukuhkan lagi isi yang sedia ada. Secara umum, sekiranya ingin mendapat panduan yang sahih dan benar, al-Quran dan sunnah hendaklah dijadikan sebagai rujukan utama dalam hidup berpoligami. Kini poligami disalah ertikan oleh sesetengah pihak, oleh yang demi kian kaum wanita haruslah sentiasa berwaspada untuk menjaga maruah dan kesucian diri.

# WANITA DAN PERSOALAN POLIGAMI DALAM ISLAM

**Nur Hazwani Anuar**  
**Norzawani Mohamed Zawari**  
**Kamarul Azmi Jasmi**

## ABSTRAK

*Kertas kerja ini membahaskan mengenai kedudukan wanita dan hak dalam berpoligami menurut perspektif Islam. Antara isu yang dibahaskan ialah panduan sekiranya ingin mengamalkan poligami dan had yang dibenarkan. Selain itu, perbezaan hak di antara kedudukan seorang isteri dan perempuan simpanan juga turut dibincangkan. Pembahas juga menggunakan beberapa contoh dan maklumat tambahan dalam perbahasan ini untuk mengukuhkan lagi isi yang sedia ada. Secara umum, sekiranya ingin mendapat panduan yang sah dan benar, al-Quran dan sunnah hendaklah dijadikan sebagai rujukan utama dalam hidup berpoligami. Kini poligami disalah ertikan oleh sesetengah pihak, oleh yang demikian kaum wanita haruslah sentiasa berwaspada untuk menjaga maruah dan kesucian diri.*

## PENGENALAN

Wanita boleh ditakrifkan sebagai manusia yang mempunyai sifat peribadi yang lemah lembut, bersopan santun, mempunyai gaya yang sopan dan disenangi oleh orang yang berada disekelilingnya. Sebelum kedatangan Islam, kedudukan seorang wanita, iaitu orang yang melahirkan anak-anak sebagai seorang ibu, dianggap sebagai seorang yang memalukan, dilayan dengan kasar, dan merendahkan kedudukan sebagai pembantu rumah berbanding menghargai dan meninggikan martabat seseorang wanita itu (Abul A'la Mawdudi, 1995).

Wanita dilihat sebagai satu dosa, nasib malang dan memalukan, serta tidak mempunyai hak ataupun kedudukan dalam kehidupan bermasyarakat. Wanita tidak dianggap sebagai seseorang tetapi sebagai benda atau barang, malahan mereka dianggap sebagai barang untuk dijual, dibeli, atau untuk diwarisi.

Mereka menganggap kelahiran seorang anak perempuan sebagai sesuatu yang malang, berdosa, dan memalukan kerana tidak mampu untuk melahirkan anak lelaki. Ada di antara mereka dengan sendirinya menanam hidup-hidup anak perempuan mereka yang baru lahir. Begitu rendahnya martabat seorang wanita pada zaman dahulu.

Namun demikian, selepas kedatangan Islam, kedudukan wanita dalam masyarakat diktiraf dan diangkat kerana sesungguhnya kehadiran seorang wanita itu adalah sesuatu yang amat berharga. Dalam ayat al-Quran pernah menyatakan, "*Allah menciptakan kamu daripada jiwa yang satu, dan daripada jiwa yang sama pasangannya dicipta*" (Ibn Taymyah, 2000).

Wanita sebenarnya sama sahaja dengan lelaki dari segi hak dan juga tanggungjawab. Tuhan ada menyatakan tiada jarak di antara lelaki dan wanita. Mereka semuanya sama rata dalam mendapat kurniaan ataupun hukuman jika mereka sememangnya berhak (Demant P. R, 2006).

## **POLIGAMI DAN KEDUDUKANNYA**

Dalam kamus *Oxford* edisi ke lapan, ada menyatakan maksud poligami, iaitu, "*the custom of having more than one wife at the same time*". Daripada definisi ini dapat dirungkaikan maksud poligami adalah sesuatu amalan yang dilakukan oleh segelintir masyarakat yang mempunyai atau memiliki isteri lebih daripada seorang isteri.

Sebelum kedatangan Islam, poligami sebenarnya lama dikenali dan diamalkan oleh nenek moyang yang terdahulu dalam setiap negara tersendiri. Antara negara yang membenarkan dan mengamalkan poligami adalah Mesir, Parsi dan China.

Menurut petikan daripada buku *The Right of Women in Islam*, hasil nukilan daripada Jawad H. A. (1998) ada menyatakan ajaran

daripada Talmud: *'A man marry many wives, for Rabba saith it is lawful to do so, if he can provide for them. Nevertheless, the wise man have given good advice, that a man should not marry more than four wives'*. Secara ringkasnya boleh disimpulkan bahawa lelaki yang ingin berkahwin dengan ramai isteri dibenarkan untuk berbuat demikian asalkan dia mampu untuk menyediakan keperluan mereka. Jikalau tidak, lelaki tersebut dinasihati supaya tidak berkahwin lebih daripada empat orang isteri dalam satu masa.

## **POLIGAMI DI ZAMAN PRA-ISLAM**

Poligami bukan sahaja diamalkan oleh orang-orang Islam malahan seperti dalam fakta sejarah, poligami juga sebenarnya lama diamalkan oleh nenek moyang yang dahulu kala dan ianya bukanlah amalan yang luar biasa kerana kebanyakan raja-raja yang terdahulu juga mengamalkan poligami ini seperti pada zaman Paranoiac, Ramses 11-Pharaohs', iaitu raja yang teragung (memerintah dari tahun 1292- 1225 B. C) yang mempunyai lapan orang isteri, beberapa orang gundik dan hamba wanita yang memberikannya lebih dari seratus lima puluh orang anak lelaki dan perempuan (Hamdy Shafiq, 2008).

Selain itu, poligami tidak kurang juga diamalkan pada era Abraham selepas zaman nenek moyang Pharaonic. Isteri kedua Nabi Abraham, iaitu Hajar melahirkan Nabi Ismail, iaitu seorang pejuang yang berani dan mempunyai hayat hidup yang lama berbanding semua orang Arab manakala isteri pertamanya, Sarah pula melahirkan Nabi Ishaq dan mendapatkan anak keturunan Israil, iaitu Yaaqub (Jawad H. A, 1998).

Nabi Yaaqub (Jacob) pula berkahwin dengan dua orang adik beradik yang merupakan anak kepada bapa saudaranya, Laban, iaitu Liya dan Raheel di samping memiliki dua orang hamba wanita. Dengan mempunyai empat orang wanita ini, Nabi Yaaqub dikurniakan sebelas orang anak lelaki (Hamdy Shafiq, 2008).

Poligami juga tersebar luas ke semenanjung Arab. Imam al-Bukhari berkata, apabila Ghilan dari kaum Thaqif (antara golongan nabi) memeluk Islam, dia mempunyai sepuluh orang isteri. Kemudian Nabi Muhammad s.a.w. berkata kepadanya, *"Pilih empat orang isteri yang*

*sah sahaja daripada kesemua isteri-isterinya*". Hal ini dapat kita simpulkan bahawasanya walaupun kita mempunyai ramai isteri, tetapi kita hanya boleh mempunyai empat orang isteri yang sah dan tidak lebih supaya suami dapat menguruskan isteri-isteri mereka dengan baik dan berlaku adil kepada setiap satunya tanpa sebarang kekurangan.

Namun demikian, Muhammad Fouad al-Hashemi menyatakan "Pihak gereja mengenalpasti amalan poligami dipraktikkan sejak abad ke-17 lagi. "Poligami juga terjadi kepada orang-orang Eropah yang mengamalkan amalan ini mempunyai lebih daripada seorang isteri. Apabila segelintir golongan minoriti anti-poligami memeluk agama kristian, mereka menyatakan bahawa tradisi poligami ini menjatuhkan agama Kristian selama ini sehingga berjaya mengharamkan amalan poligami dalam agama tersebut.

Setelah beberapa dekad, agama Kristian berkembang secara salahnya, yang mempercayai poligami bukan dengan cara yang betul seperti menganggap poligami hanyalah tradisi lama yang teguh yang hanya diamalkan oleh seseorang yang melihat perkahwinan itu hanyalah melalui usia semata-mata. Orang-orang yang menentang poligami ini berharap mereka dapat menghasilkan agama yang jitu, iaitu satu daripada empat ajaran New Testament yang mana mengharamkan poligami. Menurut Old Testament juga dikenali sebagai Torah, masyarakat masih boleh mengamalkan poligami ini.

Menurut pendapat beberapa ahli sejarawan, sosialis, sosiologi menyatakan amalan poligami yang lama diperkenalkan ini sebagai satu amalan kemanusiaan kerana sesiapa yang mengamalkan poligami dianggap sebagai orang yang dapat menerima sistem sosial secara menyeluruh.

Walaupun amalan poligami ini lama wujud dan diterima oleh masyarakat sebelum kedatangan Nabi Muhammad s.a.w. Namun demikian, poligami ini tidak boleh diamalkan dengan sesuka hati kerana terdapat batas-batasnya yang perlu dipatuhi mengikut syarak yang ditetapkan oleh Islam. Islam menyuruh supaya isteri-isteri dilayan dengan adil antara satu sama lain, meletakkan jumlah isteri yang boleh dimiliki oleh seorang suami dalam satu masa dalam satu jumlah yang had, iaitu memiliki empat orang isteri sahaja.

## PANDUAN BERPOLIGAMI MENURUT ISLAM

Dalam mengamalkan sesuatu amalan itu, kebiasaannya terdapat beberapa panduan yang boleh kita ikuti dan amalkan selagi ianya tidak salah disisi agama mahupun undang-undang. Berpoligami juga terdapat beberapa panduan yang perlu kita ikuti menurut agama Islam. Allah S.W.T. berfirman (al-Quran, 2007: 77).

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَنْبِئِ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى  
وَتِلْكَثَ وَرُبْعًا فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ آدَبُ اللَّهِ  
تَعْلُوا ۗ

Maksud: *Dan jika kamu khuatir tidak akan mampu berlaku adil terhadap perempuan yatim, maka nikahilah perempuan yang kamu senang: dua, tiga atau empat. Tetapi jika kamu khuatir tidak akan berlaku adil maka nikahilah seorang saja, atau hamba sahaya perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu lebih dekat agar kamu tidak berbuat zalim.*

(Surah al-Nisa', 5: 3)

Berdasarkan ayat ini, tiga perkara yang mesti diambil dalam berpoligami, iaitu tidak boleh melebihi empat orang isteri dalam satu masa, adil terhadap semua isteri, dan pembahagian masa dan harta antara isteri.

### Tidak Boleh Melebihi Empat Orang Isteri dalam Satu Masa

Seperti yang diperjelaskan dalam Surah al-Nisa' ayat 3, bahawa lelaki tidak dibenarkan mempunyai lebih dari empat orang isteri dalam satu masa. Namun ada para ulama tersalah tafsir mengatakan bahawa lelaki muslim boleh mempunyai sembilan orang isteri dengan menambahkan bilangan dua, tiga atau empat. Ada juga yang menggandakannya menjadi lapan belas. Adalah tidak munasabah seperti apa yang diperkatakan kerana ayat dari Surah al-Nisa' menjelaskan segala-galanya. Hanya Nabi Muhammad s.a.w. sahaja yang diberi hak keistimewaan dari Allah

S.W.T. untuk mempunyai sembilan orang isteri dalam satu masa menurut para sunnah (Hamdy Syafiq, 2008).

### Adil Terhadap Semua Isteri

Berdasarkan ayat al-Quran (Surah *al-Nisa'* ayat 3) juga, iaitu “*Jika kamu tidak mampu berlaku adil maka nikahilah seorang sahaja,*” menjelaskan makna adil dalam poligami. Dan Allah S.W.T. berfirman:

وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيلُوا  
كُلَّ الْمَيْلِ فَتَذَرُوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ وَإِنْ تُصْلِحُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ  
اللَّهَ كَانَ عَفُورًا رَحِيمًا

Maksud: *Kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isterimu walaupun kamu ingin sangat berbuat demikian, oleh itu janganlah kamu terlalu cenderung (kepada yang kamu cintai) sehinggakan kamu biarkan yang lain terkontang kanting. Jika kamu mengadakan pembaikan dan memelihara diri, maka sungguh Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang.*  
(Surah *al-Nisa'*, 5: 129)

Dua ayat ini adalah dengan terang dan jelas menerangkan tentang konsep adil terhadap semua isteri sekiranya berpoligami. Sesungguhnya dalam Hadis yang diriwayatkan oleh al-Tarmizi juga menerangkan bahawa “*Sekiranya seorang lelaki mempunyai dua orang isteri dan tidak mampu berlaku adil dan saksama sesama mereka akan datang pada hari kebangkitan dengan lumpuh separuh badannya.*” (Abdul Rahman al-Sheha, *et. al.*, 2000).

Banyak pendapat yang menyalah tafsir ayat 129 dalam surah *al-Nisa'*, semua manusia tidak mampu untuk mencapai tahap kesempurnaan selain semua itu datang dari Allah S.W.T. Dalam ayat ini diterangkan bahawa keadilan dari segi perbelanjaan, bertolak ansur layanan, dan bermalam.

### **Pembahagian Masa dan Harta antara Isteri**

Seorang suami diwajibkan menyediakan keperluan secara sama rata antara isteri-isterinya termasuklah makanan, pakaian, tempat kediaman, perbelanjaan harian dan giliran bermalam bersama. Keluangan masa bersama anak-anak juga turut tidak diabaikan. Janganlah kiranya mengabaikan anak-anak hanya kerana kepentingan diri sendiri sahaja. Kesemua keperluan ini hendaklah diberi secara adil tidak kira sama ada si isteri kaya ataupun miskin. Pakar undang-undang mengemukakan beberapa syarat pembahagian perkara antara isteri (Hamdy Syafiq, 2008):

- (1) Suami mempunyai akal fikiran yang sihat atau lebih tepat seorang yang bijaksana, sekiranya tidak, dia tidak dibenarkan berpoligami. Manakala seorang isteri yang waras harus memberi sepenuh hak untuk dibahagikan sesama madunya.
- (2) Suami haruslah mempunyai fikiran yang matang dalam menangani masalah yang berlaku dalam pergolakan rumah tangga.
- (3) Para isteri hendaklah tidak bersikap degil dan mereka juga harus patuh akan suaminya. Sekiranya mempunyai sikap yang demikian mereka tidak berhak untuk berkongsi suami.

Pembahagian harta ialah dari segi perbelanjaan harian dan mata pencarian. Kesemua isteri berhak mendapatkannya secara adil dan saksama.

### **HAD YANG DIBENARKAN DALAM BERPOLIGAMI**

Dalam buku *The Right of Women in Islam*, hasil karya daripada Jawad H. A. (1998) ada menyatakan bahawa poligami dalam Islam dibenarkan selagi adil dan ianya adalah salah ataupun diharamkan sekiranya memudaratkan dan tiada keadilan dalam mengamalkan poligami ini.

Oleh itu, berurusan dengan seorang isteri adalah sesuatu amalan yang dituntut agama dan bukanlah batasan untuk hidup bermasyarakat dengan orang lain. Namun demikian berurusan dengan seorang isteri



bukanlah satu tugas yang mudah untuk dilakukan kerana hanya dengan izin Allah S.W.T. sahaja seseorang dapat berpoligami dengan cara memenuhi syarat yang ditetapkan dan hal ini sememangnya amat disuruh untuk mengikut panduan yang ditetapkan dalam al-Quran sebagaimana ayatnya yang bermaksud, "*Jikalau kamu takut untuk berlaku tidak adil, dengan itu berkahwinlah hanya dengan seorang wanita sahaja,*" (Jawad H. A, 1998).

Dalam al-Quran secara terangnya menyatakan jika terdapat perasaan takut dan ketidakadilan, maka lelaki tersebut hendaklah hanya mempunyai seorang isteri sahaja. Tambahan pula, ini sebagai satu perlindungan kepada wanita-wanita daripada menjadi mangsa lelaki dalam menjalani institusi poligami ini, Islam menyediakan beberapa perkara yang boleh mereka lakukan sebagai perlindungan diri mereka. Antaranya ialah yang pertama, isteri mempunyai hak untuk menyatakan secara terang-terangan dalam kontrak perkahwinan mereka dimana perceraian akan berlaku sekiranya suami mereka berkahwin lain. Selain itu, amalan poligami adalah dilakukan secara suka rela dan bukanlah untuk membangga diri semata-mata dan sekiranya isteri berasa terancam dan suami tidak berlaku adil kepadanya, maka si isteri mempunyai hak untuk pergi kepada hakim untuk mendapatkan perlindungan ataupun perceraian. Ketiga, isteri boleh melindungi diri mereka jikalau menjadi mangsa poligami dengan cara isteri menuntut semula wang yang dikumpul dalam sepercaraan bersama yang mana isteri akan meminta cerai daripada suaminya itu (Jawad H. A, 1998).

## **PERKARA YANG MEMBENARKAN BERPOLIGAMI**

Seperti yang diketahui, Islam menyatakan monogami adalah satu pembentukan yang ideal dalam sesebuah perkahwinan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pengecualian yang mana berpoligami dibenarkan atas sebab-sebab yang tertentu. Antaranya, suami mengiginkan anaknya sendiri dimana isterinya tidak mampu untuk memberikannya zuriat. Dalam situasi ini, berpoligami boleh diterima dan lelaki tersebut boleh menceraikan isterinya jika isterinya enggan dipoligami untuk berkahwin dengan wanita yang lain kerana lelaki tersebut berhak untuk

mendapat zuriat dan menjadi seorang bapa yang merupakan tuntutan fitrah seorang manusia.

Selain itu, kesanggupan seorang suami untuk berkahwin dengan isteri yang kedua jika isteri pertamanya sakit tenat dan tidak mampu untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai isteri. Dalam hal ini, poligami adalah lebih baik berbanding menceraikan isterinya memandangkan isterinya amat memerlukan sokongannya pada masa itu. Hal ini kerana poligami adalah lebih baik berbanding suami tersebut mempunyai hubungan sulit di belakang isterinya.

Terdapat juga beberapa situasi antaranya adalah apabila isterinya meningkat usia tua dan menjadi lemah serta tidak mampu untuk menjaga suaminya, suami itu kemudian menjadikannya itu sebagai alasan untuk berkahwin lain. Jika seorang isteri itu mempunyai sifat peribadi yang kurang baik (dari pandangan suami), jadi dia dibenarkan untuk berkahwin isteri kedua.

Jikalau isterinya bertindak keras kepala ataupun menderhaka kepada suaminya dan apabila suaminya berkehendaki untuk melakukan hubungan kelamin dan dia tidak boleh melunaskannya tanpa kehadiran isteri kedua, maka dengan itu berpoligami adalah dibenarkan (Jawad H. A, 1998).

## **JAWAPAN TERHADAP BANTAHAN POLIGAMI**

Merujuk kepada al-Quran dan sunnah, terang dinyatakan bahawa lelaki boleh berkahwin dengan empat orang perempuan pada satu masa tetapi dengan syarat yang dan perlu dipatuhi. Antara beberapa sebab mengapa pandangan masyarakat kini terhadap poligami perlu disangkal ialah kaum perempuan haruslah sedar bahawa dalam Islam juga membenarkan kaum lelaki untuk mempunyai lebih dari satu isteri seterusnya memberi kuasa kepada mereka sekiranya mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk keperluan keluarga dan keadaan fizikal yang sihat. Adalah tidak benar sekiranya berkahwin melebihi seorang isteri bermakna kebajikan isteri dan anak-anak yang lain turut terabai. Oleh yang demikian, seseorang isteri itu tidak berhak menghalang suaminya untuk berkahwin lagi kecuali hanya mengemukakan sebab-sebab yang berkaitan semasa menulis surat perjanjian perkahwinan.

Kedua, seorang suami yang mengamalkan poligami wajiblah bersikap adil terhadap setiap isteri-isterinya. Mereka haruslah menyediakan segala keperluan untuk setiap isteri secara sama rata termasuklah giliran untuk bermalam bersama.

Ketiga, sesama suami isteri haruslah mempunyai sifat tidak mementingkan diri sendiri. Mereka haruslah sama-sama berkorban demi memenuhi nafsu dan keperluan diri sendiri untuk kepentingan masyarakat atau kepentingan pihak lain sebagai contoh isteri pertama bertolak ansur dan memberi peluang kepada isteri yang kedua dan seterusnya. Satu fakta penting yang harus diambil serius ialah seorang isteri tidak mampu untuk memenuhi nafsu suami pada satu-satu masa sebagai contoh semasa kedatangan haid selama 7-14 hari, semasa kelahiran anak dan kadang-kala isteri memberi alasan sakit. Hal ini menyebabkan suami berasa tidak dapat mengawal nafsu seks dan mencari perempuan lain. Adalah lebih baik berpoligami dari melakukan perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T.

Keempat, adalah lagi mulia dan berbudi sekiranya membenarkan suami menikahi seseorang perempuan yang mereka sukai dari menjadikan perempuan tersebut sebagai perempuan simpanan dan membiarkan kemungkaran berlaku dibelakang isteri. Mengapa tidak dibenarkan mereka terikat dengan jalinan ikatan perkahwinan yang sah disisi agama.

Kelima, seperti yang masyarakat semua sedia maklum bahawa kehidupan kini diakhir zaman dan tanda-tanda kecil kiamat sudah kelihatan. Antaranya, bilangan kaum perempuan melebihi kaum lelaki, bagaimana untuk menyeimbangkannya? Adalah tidak adil bagi beribu isteri yang kehilangan suami sebagai contoh semasa peperangan, anak-anak yatim, dan dari golongan miskin. Siapakah yang akan membela nasib mereka sekiranya golongan isteri ini memementingkan diri sendiri dengan tidak membenarkan suaminya yang berkemampuan berkongsi kasih dan mengamalkan poligami (Hamdy Syafiq, 2008).

Persolan yang selalu dibangkitkan oleh anti-poligami ialah mereka menuduh nafsu seseorang lelaki tidak hanya dapat dipenuhi melalui poligami. Walaubagaimanapun, ini merupakan sangkaan yang salah kerana sekiranya seseorang lelaki mempunyai dua, tiga, atau empat orang isteri ini dapat mengawal hawa nafsu dan emosi untuk melakukan

kemungkaran. Yang paling penting sekali ialah berpoligami bukan sekadar untuk melempias dan menghilangkan hawa nafsu semata-mata. Perkahwinan sebenarnya dapat membela nasib wanita dan anak-anak yang kurang bernasib baik untuk kehidupan yang lebih baik kelak.

Kemampuan merupakan satu perkara yang mustahak dan tidak boleh diketepikan dalam kehidupan sekiranya bagi yang ingin berkahwin tidak kira samada monogami ataupun poligami. Kemampuan dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian (Hamdy Syafiq, 2008):

- (1) Menyediakan keperluan yang mencukupi kepada isteri dan anak-anak sebagai contoh wang, kediaman dan makanan.
- (2) Mempunyai kekuatan fizikal yang dapat memenuhi keperluan nafsu isteri. Seseorang suami yang sakit dan tidak berkeupayaan tidak boleh berpoligami selagi mana ia akan menyiksa isteri-isterinya.
- (3) Memerlukan kekuatan psikologi yang tinggi untuk membahagi-bahagikan antara isteri secara adil dan saksama. Sekiranya si suami tidak mampu berlaku adil maka hendaklah mencukupi sekadar seorang isteri dan menceraikan yang lain.

Adalah tidak munasabah sekiranya bagi yang menentang poligami menyatakan kesalahan diletakkan keatas seluruh ahli keluarga yang mengamalkannya dengan peningkatan jumlah anak dalam keluarga sebagaimana yang disarankan oleh kerajaan. Sedangkan Allah S.W.T. sendiri menyeru manusia untuk meramaikan jumlah zuriat dalam sesebuah kekeluargaan.

Sekiranya tidak dibenarkan poligami adakah kita mahu melihat pelacuran berleluasa dan kelahiran anak tidak sah taraf semakin bertambah saban hari. Adalah elok sekiranya dijadikan ikatan yang sah dari dijadikan sebagai perempuan simpanan yang kelak tidak akan mendapat sebarang hak keistimewaan dari insan yang bernama suami (Salah al-Sawy, 2002).

Bagi kebanyakan anti-poligami mereka mengambil kesempatan untuk menolak poligami berdasarkan kisah Nabi Muhammad s.a.w. tidak membenarkan Ali Abu Talib, iaitu menantu baginda, suami

kepada Fatimah untuk berkahwin satu lagi dengan anak kepada Abu Jahal. Dalam satu hadis menyatakan bahawa baginda tidak membenarkan Ali berkahwin lagi adalah kerana Abu Jahal adalah merupakan musuh utama umat Islam dan diperkatakan dalam al-Quran. Baginda tidak mahu Fatimah disakiti oleh musuh Allah tersebut sekiranya dibenarkan. Antara kandungan hadis tersebut ialah Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda: (Hamdy Syafiq, 2008: 20).

*Maksud: Keturunan Bani Hisham bin al-Mughira ada meminta izin kepadaku untuk mengahwinkan anaknya kepada Ali bin Abu Talib. Tetapi, dengan ini, aku menolak untuk memberi mereka keizinan, tatkala itu aku menolak untuk memberi mereka keizinan, tatkala itu aku menolak untuk memberi keizinan kecuali Ali bin Abu Talib berhasrat menceraikan anakku dan berkahwin sendiri. Anakku merupakan milikku dan sebahagian dari hidupku: barangsiapa yang menyakitinya sama saja dia menyakiti diriku dan barangsiapa yang mempermainkannya sama saja dia mempermainkan diriku.*

*(Hadis Riwayat Imam al- Nawawi)*

Oleh itu, bagi orang yang menentang poligami, kisah ini tidak boleh dijadikan sebagai satu alasan untuk menolak poligami kerana Nabi Muhammad s.a.w. mempunyai alasan yang mencukupi untuk menolak poligami bagi anak baginda. Sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w. juga mengamalkan poligami dan isteri kesayangan baginda, Aisyah tidak melarang baginda berpoligami malah menggalakkannya lagi bagi membantu kaum wanita pada masa tersebut.

## **PEREMPUAN SIMPANAN VS SEORANG ISTERI**

Apakah yang boleh difahami dalam konteks perempuan simpanan? Siapakah mereka ini? Perempuan simpanan boleh ditakrifkan sebagai wanita yang mempunyai hubungan sulit dengan suami orang lain. Mereka tidak terlalu mengambil kira akan perbezaan umur, walaupun pasangan (suami orang) mereka itu jauh lebih tua dan berumur daripada umur mereka sendiri dan adakalanya sama taraf dengan usia bapa mereka

sendiri. Kebanyakan perempuan simpanan ini adalah daripada golongan-golongan perempuan yang muda-muda dan cantik-cantik belaka.

Kebiasaannya mereka akan berjumpa dengan pasangan masing-masing secara rahsia tanpa diketahui oleh isteri pasangan, khalayak ramai, ataupun sesiapa tanpa menimbulkan syak wasangka orang lain terhadap hubungan mereka. Sebagai contoh, mereka hanya memerlukan sedikit urusan yang berkaitan dengan dokumentasi pejabat sebagai alasan untuk berjumpa dan menjalinkan hubungan sulit mereka itu.

Kebanyakan lelaki yang mempunyai hubungan sulit dengan wanita lain sama ada mempunyai masalah rumah tangga, isteri mereka kurang memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi mereka, hidup yang terlalu sunyi kerana suasana rumah tangga yang suram hingga membuat lelaki-lelaki ini menjadi bosan dan keluar mencari pasangan yang lain yang dapat membantu mengurangkan bebanan yang ditanggung dan mendapatkan kasih sayang yang dimahukan mereka serta pasangan yang dapat memahami mereka seadanya.

Ada antaranya yang sangat berbangga dapat menjadi perempuan simpanan kepada pasangan mereka tanpa ada perasaan bertimbang rasa terhadap isteri pasangan. Walhal mereka hanya mempunyai hubungan yang salah dan tidak sah disisi undang-undang. Mereka seharusnya mempunyai rasa malu kerana melakukan hal yang sedemikian terhadap orang lain. Terdapat juga pasangan yang menjalinkan hubungan sulit ini bertahun-tahun lamanya tanpa diketahui mana-mana pihak terutamanya isteri pasangan mereka itu (Hamdy Shafiq, 2008).

Padahal mereka tidak tahu sesungguhnya menjadi isteri yang kedua atau ketiga itu lebih baik berbanding mempunyai hubungan yang sememangnya salah dan tidak sah ini. Apabila masalah timbul sebagai contoh apabila perempuan simpanan ini menghamilkan zuriat hasil daripada hubungan sumbang mereka, lelaki itu pula melarikan diri kerana ingin mengelak daripada memikul tanggungjawab dan beban yang ditanggung. Apabila pasangan mereka itu melarikan diri, mereka tidak boleh menuntut hak-hak seperti isteri-isteri yang lain kerana sememangnya perempuan simpanan tidak mempunyai hak dalam segala urusan yang berkaitan dengan lelaki tersebut walaupun anak yang dikandungnya itu sememangnya anak hasil daripada hubungan

mereka. Hal ini kerana tidak pernah termaktub hak perempuan simpanan dalam mana-mana kitab, undang-undang atau mana-mana buku yang mengiktiraf hak perempuan simpanan kerana sesungguhnya perempuan simpanan memang tidak mempunyai sebarang hak sebagaimana hak seorang isteri walaupun dia seorang isteri yang keempat.

Antara musibah yang bakal melanda adalah isteri mereka akan berasa kecewa dengan sikap suami yang melakukan mereka sedemikian rupa kerana kebiasaannya isteri ini meletakkan sepenuhnya kepercayaan kepada suami mereka apabila mereka keluar mencari rezeki. Walhal si suami mengambil kesempatan ini untuk menemui pasangan mereka dan melepaskan rasa rindu dan ingin mendapatkan belaian dan kasih sayang daripada pasangan masing-masing. Selain itu, hal ini akan menimbulkan kemarahan dan seterusnya menyebabkan berlakunya keretakan dalam rumahtangga mereka sehingga menyebabkan terjadinya perceraian akibat marah dengan kecurangan oleh suami mereka sendiri.

Kebanyakan orang-orang yang sering melanda masalah perempuan simpanan ini adalah daripada pemerintah dan orang yang berpangkat yang mewarisi aset-aset yang penting dan mahal-mahal daripada negara-negara yang besar seperti Perancis, China, Argentina, United State dan beberapa negara yang lain. Selalunya mereka ini sentiasa bertukar-tukar pasangan mereka ibarat menukar baju dan terdapat juga yang hanya sekadar ingin memuaskan hawa nafsu mereka semata-mata tanpa perlu kepada memberi komitmen dan tanggungjawab kepada seorang wanita bernama isteri (Hamdy Shafiq, 2008).

Tambahan pula, terdapat juga penerbit yang menerbitkan buku-buku yang berkaitan dengan skandal orang-orang kenamaan seperti *"In the Lobby of Congress,"* yang menceritakan mengenai skandal seksual yang dilakukan oleh beberapa wakil dan senator antara orang yang penting dalam Kongress United State. Mereka perlu membongkar dan memberitahu kepada khalayak ramai mengenai skandal seksual ini, yang mana kebanyakan dilakukan oleh segelintir pemimpin yang mana tidak membenarkan poligami. Poligami bukan sahaja diharamkan, malahan terdapat juga penal kod yang menyebabkan mereka yang mengamalkannya dihukum dan dipenjarakan dimana mereka ini mengetahui mengenai

kebaikan poligami tetapi tidak mengendahnya dan tidak memberikan kebenaran untuk melakukannya (Hamdy Syafiq, 2008).

### **RASULULLAH S.A.W. SEBAGAI CONTOH TERBAIK**

Rasulullah s.a.w. merupakan satu contoh teladan suami yang baik dan harus diikuti oleh semua umat manusia terutama bagi yang beragama Islam. Baginda mempunyai sembilan orang isteri, dan bagaimanakah baginda membahagikan masa untuk bersama-sama isteri disamping menjalankan tanggungjawab terhadap Allah S.W.T. dan menjadi pemimpin bagi kaumnya. Isteri pertama baginda ialah Khadijah binti Khuwalid yang dinikahi ketika baginda berumur 25 tahun dan pada masa itu Khadijah berumur 40 tahun. Jarak umur yang jauh dan terlalu muda membuatkan nabi tidak berasa kekok untuk menguruskan rumah tangga. Baginda sangat menyayangi Khadijah dan setelah isteri baginda wafat pada umur 65 tahun baharulah baginda terfikir untuk berkahwin lagi. Sekiranya baginda diperkatakan berpoligami hanya untuk memenuhi nafsu semata-mata sebagaimana musuh Islam mengatakannya tetapi kenapa baginda tidak mengamalkannya semasa hayat Khadijah masih ada seperti kaumnya yang lain semasa zaman pra Islam dengan bebas tanpa sebarang sekatan (Hamdy Syafiq, 2008).

Seterusnya, baginda mengahwini isteri-isterinya yang lain yang kebanyakannya setelah mereka kehilangan suami semasa perang saudara terjadi. Sebagai contoh Saudah binti Zama'ah yang dikahwini baginda setelah suaminya meninggal dunia sewaktu perang walaupun usia Saudah sudah terlalu tua pada waktu itu. Ummu Salamah sebagai contoh ditinggalkan oleh suaminya Abu Salamah sewaktu perang dan meninggalkan ramai anak. Namun selepas itu Rasulullah s.a.w. datang meminang namun Ummu Salamah mula-mula menolak mengatakan dia tua dan kuat cemburu namun baginda menyenangkan hatinya dengan menyatakan bahawa Allah S.W.T. akan menghilangkan rasa cemburu tersebut dan berkata baginda lebih tua darinya. Daripada kesemua isteri, baginda menyayangi Aisyah lebih bebanding isteri yang lain. Hanya itu kesilapan baginda dan baginda sedaya upaya mungkin adil dalam berkasih sayang. Baginda dengan rendah hati memohon



keampunan kepada Allah S.W.T. Namun dari segi keperluan lain baginda cukup adil (al-Khattab, 2007).

Siapakah lagi insan mulia yang ingin membela nasib kaum wanita yang putus tempat bergantung setelah kehilangan suami dalam peperangan dan membela nasib anak-anak yatim yang ditinggalkan tanpa kasih sayang dan penjagaan oleh seorang bapa. Walaupun wanita yang dikahwini baginda tidak cantik namun baginda tidak mementingkan rupa paras dan umur selagi ia dapat membela nasib kaum wanita tersebut. Insan mulia yang diperkatakan tentulah junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Wajarkah musuh Islam menyatakan bahawa baginda berpoligami hanya sekadar untuk memenuhi nafsu syahwat semata-mata. Tidakkah mereka ketahui bahawa baginda mempunyai niat yang baik bagi memberi perlindungan terhadap kaum wanita yang lemah. Pernahkah anda terfikir bagaimana isteri-isteri baginda dapat hidup bahagia sehingga akhir hayat baginda tanpa sebarang sengketa. Tentulah baginda mempunyai satu sifat yang dapat memberi keadilan terhadap semua isteri-isteri baginda (Hamdy Syafiq, 2008).

## **KAJIAN NEGARA BARAT TERHADAP POLIGAMI**

Setiap apa yang diriwayatkan oleh Allah S.W.T. dalam al-Quran mengandungi sebab dan mengapa perkara tersebut harus dipatuhi oleh segenap lapisan masyarakat muslim di dunia ini. Di kebanyakan negara-negara maju seperti Britain dan Jerman contohnya kajian yang dijalankan oleh US menunjukkan bilangan wanita melebihi 5 million berbanding lelaki dan ini menjadikan bilangan wanita kepada lelaki dalam kadar 3:1. Di negara-negara lain seperti Mesir, Iraq dan Iran juga perkara yang sama turut berlaku dimana bilangan kaum Hawa melebihi bilangan kaum Adam.

Disebabkan perkara ini kadar tahap pelacuran dan hubungan terlarang semakin berleluasa antara wanita yang muda. Kelahiran anak yang tidak sah taraf juga turut meningkat dari saban tahun ke tahun. Di Bosnia-Herzegovina pula mengalami perang yang teruk pada tahun antara 1992-1996 dan didapati kadar wanita terhadap lelaki ialah 1:27 kerana kebanyakan suami atau golongan muda ramai yang terkorban

demikian menjaga tanah air yang tercinta. Siapakah yang dapat membantu golongan wanita yang bernasib malang ini sekiranya kaum lelaki muslim sendiri yang mengambil mereka sebagai isteri yang sah (Hamdy Syafiq, 2008).

Muhammad Hilal Rifa'i seorang pakar sakit puan menyatakan bahawa perempuan yang tidak atau melambatkan perkahwinan akan terdedah kepada risiko barah payu dara, kanser rahim dan juga kanser fibroid yang mana kesemua kanser ini boleh membawa kepada kematian jika tidak dicegah dari awal. Beliau juga berkata ramai pesakit berasa takut dan mengadu mereka sanggup untuk menjadi isteri kedua, tiga ataupun empat dari menjadi perempuan yang belum berkahwin (Hamdy Syafiq, 2008).

Selain itu, bagi golongan yang belum berkahwin dalam usia yang tua ataupun digelar andartu dan golongan janda yang hidup melarat terpaksa menjaga anak yang ramai akibat ditinggalkan oleh suami. Mereka ini cenderung untuk mengalami masalah kecelaruan fikiran dan boleh bertindak sesuka hati. Antara contoh akibat terdesak mereka boleh mencuri ataupun merampas suami kawan baik sendiri ataupun saudara mara yang mahram untuk memenuhi nafsu mereka.

Bagi menyelesaikan masalah sosial yang semakin berleluasa kini antara golongan muda dan yang berkahwin. Dr. Muhammad Youssef Moussa seorang professor universiti di Mesir berkata perkara ini dapat diselesaikan dengan membenarkan poligami dikalangan para suami. Para isteri juga haruslah bertolak ansur dengan tidak mementingkan diri sendiri. Hal ini bagi mengelakkan mereka melakukan perkara seperti zina yang dilarang oleh agama.

Dengan sistem poligami yang dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat di sesebuah negara. Dalam beberapa tahun selepas itu, kajian di US contohnya menunjukkan kadar masalah jenayah berkaitan pelacuran, zina dan rogol turut berkurangan kerana kini mereka, wanita sudah tidak dijadikan perempuan simpanan bagi suami orang. Kadar kelahiran bayi tidak sah taraf juga berkurangan dari tahun ke tahun.

Kajian yang dijalankan dinegara barat jelas menunjukkan poligami harus diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat sebagaimana yang diseru oleh Allah S.W.T. dan pesuruhnya Nabi Muhammad

s.a.w. Apakah yang akan terjadi sekiranya poligami diharamkan dan wanita yang tidak bernasib baik untuk berkahwin akan menjadi wanita simpanan selama-lamanya yang dia tidak berhak menuntut apa-apa dari lelaki yang dikenalnya (Hamdy Syafiq, 2008).

## RUMUSAN

Dalam Islam amalan berpoligami ini memang dibenarkan oleh agama, tetapi dengan mengikut syarat dan panduan yang ditetapkan. Berbalik kepada dunia realiti kini poligami disalahgunakan oleh segelintir pihak yang hanya menggunakannya untuk memuaskan nafsu semata-mata. Oleh itu, kaum wanita yang bakal bergelar isteri ataupun yang bersuami haruslah mempunyai pendidikan yang tinggi dan ilmu yang bermanfaat agar dapat membela nasib diri mereka sekiranya suami mereka menyalahgunakan hak untuk berpoligami. Wanita zaman sekarang juga haruslah bijak untuk mengetahui dan mengambil tindakan apabila mereka ditindas oleh kaum lelaki tanpa sebarang sebab yang munasabah. Hal ini kerana setiap orang mempunyai hak dan peluang untuk diketengahkan dan didengari oleh orang lain.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman al-Sheha, Mohammed Said Dabas, Dr. Ahmad Ibn Saifuddin & Abdul Aziz Addwesh. 2000. *Women in The Shade of Islam*. Riyadh: TP.
- Abul A'la Mawdudi. 1995. *Human Rights in Islam*. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Al-Quran Darul Iman. 2007. *al-Quran dan terjemahan*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Hornby A.S. 2010. *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Jawad H. A. 1998. *The Rights of Women in Islam (an Authentic Approach)*. London: MacMillan Press Ltd.
- Hamdy Syafiq. 2008. *Wives Rather Than Mistresses (Polygamy Necessity of the Age)*. <http://www.sahwah.net>. (27. 6. 2008).

- Ibn Taymiyah. 2000. *Fatwas of Muslim Women*. Egypt-Al-Mansoura: Dar al-Manarah.
- Imam A. M. Khattab. 2007. *The Status of Women in Islam (Is Women Equal to Man or Not)*. T. T. P: TP.
- Peter R. Demant. 2006. *Islam vs Islamism*. United State of America: Praeger Publisher.
- Salah al-Sawy. 2002. *Americans' Questions About Islam*. Egypt: Umm al-Qura.